

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG]
TARIKH : 12.6.2014
SOALAN :

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat mana peruntukan yang berjumlah lebih RM50 bilion untuk meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia telah disalurkan untuk membaik pulih atau membina prasarana sekolah yang usang, terutamanya di Kawasan Hulu Rejang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan pemulihan dan pembinaan prasarana sekolah bagi memastikan semua rakyat Malaysia di setiap negeri mendapat akses pendidikan yang sewajarnya. Peruntukan RM50 bilion untuk meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia melibatkan keseluruhan peruntukan yang diberikan kepada KPM dan diagihkan mengikut sektor-sektor tertentu.

Di bawah RMKe-9 dan RMKe-10, sebanyak 91 buah projek dengan kos RM718.7 juta telah diperuntukkan kepada Parlimen Hulu Rajang bagi tujuan membaik pulih dan membina prasarana sekolah yang usang. Walau bagaimanapun tindakan membaik pulih bangunan sekolah di kawasan Hulu Rajang bergantung kepada peruntukan tahunan yang diterima dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.